OUTCOME-BASED EDUCATION (OBE)

“PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL”

APA ITU OBE?
(OUTCOME-BASED EDUCATION)

Satu proses pendidikan yang memberi **tumpuan** untuk **mencapai hasil tertentu** (pengetahuan, kemahiran dan nilai) dari segi **pembelajaran pelajar secara individu** dengan **pelbagai kaedah berpusatkan pelajar.**

APA ITU OBE?
(OUTCOME-BASED EDUCATION)

Pendekatan pendidikan yang berfokuskan pelajar bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan

Memfokuskan kepada apa yang pelajar boleh buat selepas mereka diajar sesuatu kemahiran atau pengetahuan

KENAPA OBE?

Program matrikulasi ingin memastikan pelajar dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran bukan sahaja kognitif (pengetahuan), psikomotor dan afektif tetapi juga kemahiran insaniah untuk kekal kompetitif pada masa hadapan.

Kemahiran kognitif (pengetahuan), psikomotor dan afektif yang diberi penekanan adalah seperti :

KOGNITIF (PENGETAHUAN, INTELEK, MINDA)	PSIKOMOTOR (PERGERAKAN FIZIKAL, KOORDINASI, KEMAHIRAN MOTOR)	AFEKTIF (SIKAP DAN NILAI)
Mengingat	Persepsi/ Pengamatan	Menerima
Memahami	Set	Memberi maklumbalas
Mengaplikasi	Respon berpandu (Guided Response)	Menilai
Menganalisis	Mekanisme	Mengorganisasi

Antara kemahiran insaniah yang diberi penekanan adalah :

- Kemahiran berkomunikasi
- Kepimpinan
- Kerja berpasukan
- Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik
- Kemahiran pengurusan maklumat
- Pembelajaran sepanjang hayat

MENGAPA OBE PERLU DIAPLIKASIKAN DALAM PROGRAM MATRIKULASI?

Perlu akur kepada standard yang termaktub dalam ***Malaysian Qualification Framework (MQF)*** bagi **Sijil Matrikulasi** yang dianugerahkan daripada Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Terdapat 2 sijil yang dianugerahkan daripada program matrikulasi :

- Sijil Matrikulasi KPM Jurusan Sains
- Sijil Matrikulasi KPM Jurusan Perakaunan

CONTOH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN MATRIKULASI

SIJIL MATRIKULASI KPM

Dengan ini disahkan bahawa

[redacted]

KOLEJ MATRIKULASI JOHOR
JURUSAN SAINS (MODUL I)
PNGK :3.10

telah mengikuti dan menyempurnakan semua syarat
Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia

SESI 2015/2016, 2016/2017

BAHAGIAN MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

20 JUN 2017

Pengarah
Bahagian Matrikulasi

AA08070

PENGENALAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN (*LEARNING OUTCOMES*), DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN, PEO, PLO DAN CLO

LEARNING OUTCOMES
(HASIL PEMBELAJARAN)

Pernyataan yang menjelaskan apa yang pelajar perlu tahu, faham dan lakukan setelas selesai sesuatu tempoh pengajian.

Malaysian Qualification Framework (MQF) menekankan lapan (8) domain hasil pembelajaran yang siginifikan bagi Malaysia :

MQF LEARNING OUTCOMES DOMAINS

LEARNING OUTCOMES DOMAINS (LOD)		SCIENCE PROGRAMME	ACCOUNTING PROGRAMME
LOD 1	Knowledge	√	√
LOD 2	Practical skills	√	√
LOD 3	Social skills and responsibilities		
LOD 4	Values, attitudes and professionalism		
LOD 5	Communication, leadership and team skills	√	√
LOD 6	Problems solving and scientific skills	√	√
LOD 7	Information management and lifelong learning skills	√	√
LOD 8	Managerial and entrepreneurial skills		


VISI DAN MISI
BAHAGIAN MATRIKULASI
VISI DAN MISI KMJ
PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)
PROGRAMME LEARNING OUTCOMES (PLO)
COURSE LEARNING OUTCOMES (CLO)

PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES
(PEO)

"OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGRAM"

- PEO adalah pernyataan yang menggambarkan pencapaian pelajar selepas setahun tamat Program Matrikulasi dan ketika berada pada tahun pertama pengajian di IPT.

- PEO merupakan ‘hasrat’ BMKPM terhadap Program Matrikulasi.

CONTOH PEO PROGRAM JURUSAN SAINS

Selepas setahun bergraduasi daripada program, graduan adalah :

PEO 1	**Berpengetahuan dan kompeten secara teknikal dalam bidang sains selari dengan keperluan institusi pengajian tinggi** **(MQF LOD 1 & LOD 2)**
PEO 2	**Berkebolehan untuk berkomunikasi dengan mahir dan berkolaborasi dengan secara berkesan dalam kerja berkumpulan untuk bersaing dalam persekitaran pendidikan tinggi** **(MQF LOD 5)**
PEO 3	**Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah dalam bidang sains dan matematik secara inovatif dan kreatif** **(MQF LOD 6)**
PEO 4	**Berkebolehan untuk mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dengan penuh komitmen bagi pemerolehan ilmu dan kemahiran baru.** **(MQF LOD 7)**

PROGRAMME LEARNING OUTCOMES
(PLO)

"HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM"

PLO adalah pernyataan yang menerangkan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan tingkah laku pelajar yang boleh diukur di akhir pengajian (sebaik sahaja menamatkan Program Jurusan Sains/Perakauan)

CONTOH PLO PROGRAM JURUSAN SAINS

Pada akhir program ini, pelajar sepatutnya berupaya untuk :

PLO 1	**Memperolehi pengetahuan dalam bidang sains dan matematik sebagai asas kepada pendidikan tinggi.** **(MQF LOD 1)**
PLO 2	**Mendemonstrasi kemahiran manipulatif dalam kerja makmal.** **(MQF LOD 2)**
PLO 3	**Berkebolehan untuk berkomunikasi dengan mahir dan berkolaborasi secara berkesan dalam kerja berkumpulan dengan kemahiran yang diperlukan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi.** **(MQF LOD 5)**
PLO 4	**Mengaplikasikan pemikiran logik, analitikal dan kritis dalam kajian saintifik dan penyelesaian masalah.** **(MQF LOD 6)**
PLO 5	**Mencari dan berkongsi maklumat berkaitan sains dan matematik secara kendiri.** **(MQF LOD 7)**

COURSE LEARNING OUTCOMES
(CLO)

"HASIL PEMBELAJARAN KURSUS"

Satu set pernyataan-pernyataan (explisit & boleh diukur) menerangkan hasil-hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh seseorang pelajar di akhir sesebuah kursus

Apakah pelajar matrikulasi yang dijangkakan terhasil daripada OBE?

PENGETAHUAN

KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH

KEMAHIRAN SAINTIFIK

KEMAHIRAN PRAKTIKAL

KEMAHIRAN KOMUNIKASI

KEMAHIRAN PENGURUSAN MAKLUMAT

KEMHIRAN KEPIMPINAN

KEMAHIRAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN